

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN  
HUSSEIN [ SEMBRONG ]**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 16**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk integrasi dan perpaduan kaum di kalangan pelajar dan apakah strategi pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan komited dalam memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan murid dan pelajar pelbagai kaum sama ada di peringkat sekolah atau di institusi pendidikan tinggi (IPT). Langkah ini selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang sedang diguna pakai pada masa sekarang. Bagi merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, KPM telah melaksanakan pelbagai usaha melalui program sedia ada dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah melaksanakan pelbagai aktiviti atau program yang melibatkan murid, pelajar, guru, pensyarah dan pihak pentadbir di semua institusi pendidikan.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah memasukkan elemen patriotisme, perpaduan dan kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara dalam kurikulum kebangsaan melalui Kurikulum Standard Prasekolah

Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta melalui pendekatan merentas kurikulum dalam mata pelajaran lain.

Selain daripada itu, KPM juga telah menyediakan dan mengedarkan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia ke semua sekolah di seluruh negara melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 tahun 2018 bertarikh 9 November 2018. Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengetua dan guru besar dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah KPM.

KPM juga sedang dalam proses memperkasakan semula Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) dengan penekanan kepada literasi sivik bagi memastikan murid dapat membudayakan sivik melalui pengetahuan sivik, sosio-emosi sivik dan tindakan sivik. Pemerksaan semula PSK dibuat secara bersepadu merentas pelbagai mata pelajaran seperti Sejarah, Pendidikan Moral, Pendidikan Agama Islam, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pendidikan Sivik ini juga turut memberi penekanan kepada tindakan sivik dalam aktiviti kokurikulum, Perhimpunan Mingguan Sekolah dan aktiviti di sekolah. Pemerksaan semula mata pelajaran PSK ini merupakan satu langkah untuk memupuk nilai-nilai murni dan membentuk keperibadian dalam usaha membendung dan menangani keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan generasi anak-anak muda serta menimbulkan rasa tanggungjawab dan cinta terhadap negara.

Terkini, melaksanakan Modul Pendidikan Sivik memberi penekanan kepada nilai dan teras kemanusiaan turut menjadikan integrasi dan perpaduan sebagai elemen penting dengan memasukkan beberapa elemen perpaduan sebagai nilai teras, antara tajuk nilai teras tersebut ialah 'Negara Kita Tanggungjawab Kita'. Di bawah nilai teras ini, terdapat beberapa tajuk utama yang berkaitan dengan perpaduan seperti sambutan Hari Kebangsaan, Hari Malaysia, bangga dengan pemimpin negeri/negara, bangga dengan warisan budaya dan banyak lagi.

Perpaduan merupakan agenda utama sistem pendidikan yang diberi tumpuan oleh KPM. Sehubungan itu, di peringkat pendidikan tinggi, KPM komited untuk memastikan bahawa enrolmen di institusi pendidikan tinggi menggambarkan perpaduan dalam kepelbagaian kaum di Malaysia. Hal ini bertujuan membentuk sistem pendidikan yang membolehkan pelajar memahami nilai serta berkongsi pengalaman dan aspirasi. Indeks Patriotisme dan Perpaduan turut dilaksanakan kepada pelajar di IPT sebagai salah satu usaha untuk menentukan tahap perpaduan dalam kalangan mahasiswa. Satu Jawatankuasa pembangunan kursus telah ditubuhkan dan dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang falsafah dan etika. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Prof. Emeritus Dzulkifli Abdul Razak, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

KPM juga telah memperkenalkan dua kursus baharu iaitu (i) Kursus Falsafah dan (ii) Isu Semasa dan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Dua kursus ini dirangka khas bagi memperkasakan penghayatan falsafah dalam kalangan pelajar sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya dan memupuk nilai sepunya. Kursus-kursus ini wajib diambil oleh pelajar IPT dari peringkat sijil hingga Sarjana Muda mangikut struktur penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) yang telah ditetapkan dalam buku Garis Panduan MPU. Pelajar boleh mengambil kursus-kursus ini pada bila-bila masa di sepanjang tempoh pengajian masing-masing.

Selain daripada itu, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) bagi menambah baik penyampaian pendidikan termasuklah syor-syor yang berkaitan memupuk integrasi dan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar di sekolah dan peringkat pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.